

A low-angle, night-time photograph of the Petronas Twin Towers in Kuala Lumpur, Malaysia. The towers are illuminated with warm lights, and their reflection is visible in a pool of water in the foreground. The sky is a deep blue with some clouds. A white rectangular frame is overlaid on the right side of the image, containing the chapter title.

BAB 2

Rangka Pertumbuhan Wilayah

2

RANGKA PERTUMBUHAN WILAYAH

2.1 Konteks Pertumbuhan Wilayah

Pembangunan WKN secara spatial dan fizikal berkembang ke arah timur sejak tahun 1980an lagi, berfaktorkan kepada kewujudan Pelabuhan Klang dan pembentukan Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor. Perkembangan ini mula berubah ke arah selatan WKN iaitu ke arah Negeri Sembilan apabila wujudnya KLIA, Putrajaya, dan Cyberjaya pada awal tahun 1990 an. Kini, pertumbuhan dan pembangunan yang pesat di sekitar WKN telah memberi dorongan kepada pembangunan Malaysia Vision Valley yang berhampiran dengan selatan WKN.



a. Malaysia Vision Valley (MVV)

Fenomena pertumbuhan fizikal ke arah selatan ini juga turut memberi kesan kepada limpahan pembangunan Bandar Seremban dan pembentukan Bandar Nilai. Sehingga kini perkembangan di negeri berjiran iaitu Negeri Sembilan terus rancak membangun dan kemudian membentuk perancangan masa hadapan yang dikenali sebagai Malaysia Vision Valley (MVV).


Malaysia Vision Valley adalah satu koridor pertumbuhan baharu yang meliputi daerah Seremban dan Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan. Penubuhan Malaysia Vision Valley (MVV) adalah sebagai pemangkin ekonomi utama kepada Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 - 2020 serta menjadi sebahagian strategi utama daripada Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS).

Rancangan Pembangunan Komprehensif Malaysia Vision Valley 2016-2045 (MVV CDP 2016-2045) adalah satu pelan perancangan pembangunan wilayah yang

disediakan untuk menyelaraskan aspek spatial, ekonomi dan sosial bagi memastikan perancangan yang komprehensif dan holistik bagi pembangunan di MVV. Perancangan dan pembangunan MVV sedikit sebanyak akan memberi implikasi kepada pembangunan spatial dan ekonomi merentasi sempadan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

Rajah 2.1 : Kedudukan WKN dan MVV

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



b. Perkembangan WKN berdasarkan faktor pasaran

Pembangunan yang pesat dalam WKN, terutamanya dalam pusat bandar Kuala Lumpur dan daerah Petaling telah membawa kepada peningkatan harga tanah di kawasan tersebut. Faktor ini telah meningkatkan jurang perbezaan harga tanah di antara kawasan pusat dan kawasan pinggiran dalam WKN.

Kesan perbezaan harga tanah ini bermakna industri-industri yang memerlukan tanah yang luas seperti industri pembuatan dan pendidikan tinggi telah dan akan terus berpindah ke kawasan pinggiran atau ke negeri bersempadan.

Oleh kerana kawasan di Selatan WKN masih mempunyai tanah kosong terutamanya tanah pertanian yang luas dan sistem infrastruktur yang baik, industri yang memerlukan tanah yang

luas dan lebih murah sudah berpindah atau merancang membangun di kawasan selatan, termasuk kawasan-kawasan di Negeri Sembilan, terutamanya dalam MVV.

Rajah 2.2 : Harga Tanah Industri di WKN, 2016

Sumber : <http://www.iproperty.com.my/>



2.2 Hala Tuju Semasa Pembangunan WKN

Pembangunan dan perancangan di WKN merangkumi tiga (3) Rancangan Struktur dan 18 Rancangan Tempatan. Rancangan pembangunan tersebut telah menetapkan hala tuju pembangunan dan perancangan bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membangun, merancang dan mengurus kawasan pentadbiran masing-masing.

Berdasarkan hala tuju perancangan PBT di dalam WKN, dapat disimpulkan pembangunan di WKN menjurus kepada mencapai perbandaran yang mampan, hijau, berdaya maju dan mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti.

Visi dan Matlamat Perancangan Pihak Berkuasa Tempatan di WKN

11 Pihak Berkuasa Tempatan di WKN berhasrat untuk mencapai kawasan perbandaran yang mampan, hijau, berdaya maju dan mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti.



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Wawasan Kuala Lumpur adalah untuk menjadi sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia.



PERBADANAN PUTRAJAYA

Putrajaya Mampan 2025 - Bandar dalam taman ke arah bandar hijau.



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Memajukan kawasan Rancangan Tempatan Klang sebagai satu kawasan perbandaran yang serba lengkap dan moden serta berimejkan 'bandar pelabuhan'.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Menjadikan Bandar Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya peneraju, dinamik dan lestari.



MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Perbandaran metropolitan yang selesa, dinamik, mudah sampai, seimbang dan cekap.



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Menjadikan Pihak berkuasa Tempatan terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan perbandaran bestari, kota niaga, kediaman idaman.



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Menjadikan Shah Alam sebuah bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Perbandaran metropolitan yang selesa, dinamik, mudah sampai, seimbang dan cekap.



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Menjadikan kawasan Majlis Perbandaran Kajang sebagai kawasan berdaya maju dan mempunyai persekitaran kehidupan yang berkualiti di samping memperkukuhkan kualiti alam persekitaran.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Pembangunan Daerah Sepang sebagai hub koridor raya multimedia yang membangun dengan mampan dan sejahtera.



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Kuala Langat sebagai hub industri, pelancongan dan pertanian bagi wilayah Lembah Klang yang mempunyai persekitaran kehidupan yang berkualiti.

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



1,780,400 orang (Tahun 2015)

24,22 Hektar

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Wawasan Kuala Lumpur adalah untuk menjadi sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia

PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2020

- Pusat komersial dan kewangan antarabangsa;
- Struktur bandar efisien dan saksama;
- Mempertingkatkan persekitaran hidup;
- Identiti dan imej bandar raya yang tersendiri; dan
- Mempunyai urus tadbir cekap dan berkesan.

KAWASAN PEMBANGUNAN KHAS: KAMPONG BHARU

- Dikelola oleh: Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu
- Perancangan: Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



83,000 orang (Tahun 2015)

4,931 Hektar

PERBADANAN PUTRAJAYA

Putrajaya Mampan 2025 - Bandar Dalam Taman ke Arah Bandar Hijau

RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025

- Pusat pentadbiran cemerlang;
- Ekonomi bandar yang progresif;
- Memperkukuh pelancongan;
- Bandar hijau; dan
- Sistem pengangkutan bersepadu.

7 RANCANGAN TEMPATAN

- Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10;
- Rancangan Tempatan Presint 16, 17 & 19;
- Rancangan Tempatan Presint 5, 6 & 20;
- Rancangan Tempatan Presint 1 & 13;
- Rancangan Tempatan Presint 11;
- Rancangan Tempatan Presint 12; dan
- Draf Rancangan Tempatan Presint 2, 3, 4 & 18

SELANGOR



5,342,200 orang (Tahun 2015)

404,720 Hektar

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035

- Pengekalan KSAS;
- Pengekalan Wilayah Lembah Klang;
- Peluasan Zon Pembangunan;
- Pengukuhan Pembangunan Ekonomi;
- Penyerakan Pembangunan Luar WLK; dan
- Penekanan kepada Fungsi Penggunaan Transit.

9 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Majlis Bandaraya Shah Alam;
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya;
- Majlis Perbandaran Selayang;
- Majlis Perbandaran Klang;
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya;
- Majlis Perbandaran Subang Jaya;
- Majlis Perbandaran Kajang;
- Majlis Perbandaran Sepang; dan
- Majlis Daerah Kuala Langat.

10 RANCANGAN TEMPATAN

- Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam, (Penggubahan 3) 2020;
- Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Penggubahan 2) 2020;
- Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Penggubahan 3) 2020;
- Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang, (Penggubahan 2) 2020;
- Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ1) (Penggubahan 2) 2020;
- Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2) (Penggubahan 1) 2020;
- Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Penggubahan 3) 2020;
- Rancangan Tempatan Kuala Langat (Penggubahan 2) 2020;
- Rancangan Tempatan (Penggubahan 2) Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020; dan
- Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Penggubahan 4) 2020.

*Dokumen adalah berdasarkan sumber daripada PLANMalaysia@ Selangor sehingga Disember 2017.

Berdasarkan visi dan matlamat perancangan PBT di WKN, terdapat empat (4) kata kunci utama yang diguna pakai oleh PBT iaitu:

BANDAR MAMPAN

Dari segi konsep, Bandar Mampan adalah sebuah bandar yang mempunyai daya saing dari segi ekonomi dan kewangan dan pada masa yang sama membangun secara seimbang dalam semua aspek kehidupan bandar termasuk perumahan, pendidikan, pengangkutan, kesihatan, keselamatan awam dan alam sekitar.

Dalam konteks Malaysia, ciri-ciri utama yang ditekankan oleh Garis Panduan JPBD tersebut termasuklah prinsip-prinsip berkaitan keadilan dan kesaksamaan, ihsan, kepercayaan dan kekuasaan, keharmonian, penghormatan penuh kepada ilmu pengetahuan dan mengingati Pencipta, keamanan dan keselamatan, perundangan, bersih dan cantik dan pemuliharaan alam sekitar.

Sumber : Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat (Garis Panduan Perancangan JPBD 22/97), JPBD, 1997

BANDAR HIJAU

Bandar Hijau mengikut definisi '*Green City Guidelines*' daripada Urban Institute of Ireland adalah bandar yang dapat mengenal pasti peringkat-peringkat utama dalam perancangan dan pembangunan di mana kepelbagaian biodiversiti dapat diintegrasikan ke dalam pembangunan bandar berskala sederhana sehingga berskala besar. Ini mengambil kira tiga (3) perkara pokok ataupun pendekatan iaitu; peringkat utama dalam perancangan, kajian tentang panduan pengintegrasian biodiversiti dan pemeriksaan atau kajian terhadap kajian kes daripada tipologi bandar yang terpilih.

Sumber : *Green City Guideline*, 2008

BANDAR BERDAYA SAING

Bandar berdaya saing didefinisikan sebagai tahap ketertarikan yang tinggi perlu bagi meningkatkan keupayaan sesuatu tempat atau negara mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang dapat menghasilkan lebih nilai dalam bidang perniagaan dan pembuatan serta meningkatkan kemakmuran negara. Selain itu, empat input daya saing adalah prestasi ekonomi, kecekapan tadbir urus, keupayaan sumber manusia, kecekapan perniagaan dan prasarana sebagai faktor utama dalam proses menghasilkan kekayaan.

Sumber : *World Competitiveness Report*

KUALITI HIDUP

Mengambil kira komponen berikut bagi mencapai tahap kualiti hidup yang tinggi

- Persekitaran politik dan sosial;
- Persekitaran ekonomi;
- Sosio-budaya persekitaran;
- Pertimbangan perubatan dan kesihatan;
- Sekolah dan pendidikan;
- Perkhidmatan awam dan pengangkutan
- Rekreasi;
- Barangan pengguna;
- Perumahan; dan
- Persekitaran alam sekitar.

Sumber : *World Competitiveness Report*

2.3 Strategi Perancangan WKN

Rancangan dan dasar pembangunan di peringkat negara, negeri dan daerah menjadi asas dan panduan kepada pembangunan di WKN ke arah wilayah dinamik. Di antara dasar dan perancangan di peringkat negara yang dirujuk di dalam memandu strategi perancangan WKN adalah:

1. Rancangan Fizikal Negara Ke-3;
2. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030; dan
3. Dasar Perbandaran Negara Ke-2.

Berdasarkan pembangunan dan dasar pembangunan di peringkat negara dan negeri, pembangunan di WKN perlu menjurus kepada interaksi kawasan-kawasan bandar dan sub-bandar yang lebih adil, efisien dan fleksibel berdasarkan keupayaan dan identiti sesuatu kawasan tersebut. Ini bermakna bandar-bandar dan sub-bandar di dalam WKN perlu saling memenuhi keperluan masing-masing di dalam memandu WKN sebagai satu wilayah yang kukuh dan dinamik di peringkat negara dan global.


a. Rancangan dan Dasar Pembangunan di Peringkat Negara

1. RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3



Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3) merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi menentukan arah tuju pemajuan fizikal dan pemuliharaan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. RFN3 yang telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara kini perlu dijadikan panduan perancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia dan seterusnya. Kawasan Konurbasi Nasional juga telah dikenalpasti sebagai Wilayah Kukuh yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi negara dan global.

2. DASAR PERBANDARAN NEGARA KE-2



Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2) merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik khususnya bagi mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2025 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam bandar. DPN2 akan dijadikan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar di WKN termasuk penyediaan rancangan-rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan.

3. DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030



Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 merupakan dasar pembangunan luar bandar yang pertama di Malaysia berbentuk spatial. Usaha untuk mengintegrasikan perancangan spatial dalam dasar pembangunan luar bandar ini merupakan suatu cabaran kerana ia memiliki ciri-ciri tertentu yang menarik. Dasar-dasar pembangunan luar bandar sedia ada dijadikan kerangka kepada penyediaan DPF Desa Negara. Bahkan beberapa kawasan luar bandar ini juga turut terletak di dalam WKN walaupun kebanyakan kawasan ini terdiri daripada bandar-bandar.

b. Rancangan Dan Dasar Pembangunan di Peringkat Negeri

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035

Menekankan strategi dan konsep pembangunan tertumpu wilayah bandar yang terdiri daripada:

- Zon Perbandaran
Zon ini merupakan zon yang telah dikenal pasti sebagai zon galakan pembangunan perbandaran. Tumpuan pembangunan perbandaran adalah di Daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat dan Sepang yang telah dikenal pasti dalam WKN. Zon ini merangkumi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi utama Negeri Selangor seperti Shah Alam, Petaling Jaya, Klang, Subang Jaya, Damansara dan Kajang. Kawasan perbandaran ini akan menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi Selangor supaya ia terus berkembang maju bagi menyumbang kepada pencapaian aspirasi WKN.
- Zon Pengekalan Padi
Zon Pengekalan Pertanian
- Zon Pemuliharaan Sumber
Zon ini meliputi kawasan pemuliharaan kepelbagaian biologi termasuklah hutan simpan kekal, hutan paya bakau, kawasan FRIM, Permatang Kuarza Gombak Selangor serta kawasan berbukit dan bercerun.



Sumber : Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035

RANCANGAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2020

Empat (4) komponen utama sesebuah bandar raya bertaraf dunia adalah

- Persekitaran Kerja Bertaraf Dunia
Persekitaran kerja bertaraf dunia perlu menawarkan pelbagai pilihan pekerjaan dan peluang kerjaya serta latihan yang baik.
- Persekitaran Hidup Bertaraf Dunia
Persekitaran kerja bertaraf dunia seharusnya mengandungi semua unsur persekitaran hidup bertaraf dunia seperti perumahan berkualiti tinggi, kemudahan yang mencukupi, berkualiti dan mudah sampai.
- Persekitaran Niaga Bertaraf Dunia
Pekerja mahir yang tersedia, ruang pejabat bermutu tinggi dengan sewa yang kompetitif dan ruang pengeluaran.
- Urus Tadbir Bandar Raya Bertaraf Dunia
Persekitaran kerja bertaraf dunia perlu menawarkan pelbagai pilihan pekerjaan dan peluang kerjaya serta latihan yang baik.



Sumber : Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020

RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025

Pelan Strategik yang dibincangkan dalam Rancangan Struktur Putrajaya lebih memfokuskan kepada Pelan Tindakan Pelancongan Strategik yang dijadikan kerangka tindakan bagi mengukuhkan sektor pelancongan sebagai sektor ekonomi utama. Pelan ini akan mengenal pasti produk yang berpotensi untuk diperkembangkan di samping produk sedia ada yang perlu diberi perhatian bagi setiap kluster unik.

Konsep pembangunan Putrajaya lebih memfokuskan kepada pelancongan yang berasaskan pelancongan perbandaran yang menekankan kepada enam (6) zon pelancongan iaitu zon pelancongan buatan manusia, alam semula jadi, pelancongan kebudayaan dan warisan sejarah, rekreasi dan sukan, pelancongan kesihatan dan pelancongan MICE.



Sumber : Rancangan Struktur Putrajaya 2025

2.4 Komponen Bersama

Komponen bersama merupakan komponen/aset yang dikongsi bersama oleh pelbagai agensi dan PBT. Komponen ini terdiri daripada aset alam sekitar dan ekologi, kesihatan dan kesejahteraan bandar dan infrastruktur bandar. Komponen ini perlu diurus secara bersama dalam mengurus pembangunan yang lebih berdaya saing dan mampan.

Tadbir urus yang berkesan menekankan strategi dalam menghadapi cabaran bandar serta memastikan pembangunan bandar yang mampan. Dalam memastikan hal ini, cabaran bukan sahaja pada cabaran makro, teknikal dan kewangan malahan juga berkaitan kompleksiti dalam pengurusan dan institusi.

Sebagai sebuah wilayah yang dinamik, WKN haruslah memacu perubahan dalam mengharungi masa hadapan. Dalam hal ini, membentuk asas persamaan antara kawasan pentadbiran merupakan langkah pertama yang perlu diambil dan merupakan prasyarat bagi pentadbiran yang berkesan.

Bagi mengurus WKN dengan lebih efektif di antara agensi-agensi dan PBT, aspek komponen bersama perlu ditekankan. Komponen bersama penting bagi mewujudkan strategi pengurusan dan pembangunan lestari pada jangka masa panjang. Bahkan, institusi pentadbiran dapat diperkukuh melalui perubahan struktur dan pertukaran kemahiran.

Aset alam sekitar, infrastruktur, dan kemudahan perbandaran lebih bersifat ketara (*tangible*). Terutamanya dalam aspek fizikal. Manakala, aspek kesejahteraan bandar pula bersifat tidak ketara (*intangible*).


Rajah 2.2: Komponen Bersama WKN
Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



ASET ALAM SEKITAR DAN EKOLOGI

Pengekalan dan pemeliharaan aset ini bertujuan memandu pertumbuhan WKN ke arah hijau dan meningkatkan kemampanan, daya tahan serta penggunaan sumber yang cekap. Aset alam sekitar dan ekologi di WKN terbahagi kepada tiga (3) iaitu kawasan hutan, badan air dan pantai. Ketiga-tiga aspek ini amat penting kerana ekosistem di WKN didiami pelbagai spesis flora dan fauna. Ia juga menyediakan udara bersih, air serta tempat rekreasi dan pelancongan.


KAWASAN HUTAN



Hutan Simpan Kekal Ampang, Hutan Simpan Kekal Pulau Tengah, Hutan Simpan Kekal Telok Gedong, Hutan Simpan Kekal Kuala Langat, Hutan Simpan Air Hitam, Hutan Simpan Kekal Ulu Langat, FRIM, Hutan Simpan Serendah, Hutan Simpan Rantau Panjang, Hutan Simpan Serendah dan Taman Negeri Selangor.

BADAN AIR

Sungai Langat, Sungai Klang, Sungai Sepang, Sungai Buloh dan Sungai Selangor.



PANTAI













Pantai Morib, Pantai Remis, Pantai Tanjung Piai, Pantai Kelanang dan Pantai Bagan Lalang.

Sumber : Kajian Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

INFRASTRUKTUR BANDAR

Infrastruktur adalah kunci kepada pembangunan dan strategi kohesi (*cohesion*) bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan daya saing serta meningkatkan kualiti hidup dan inklusif dalam masyarakat. Oleh itu, aspek komponen berkongsi faedah bersama bagi infrastruktur bandar perlu ditekankan di WKN walaupun ia bersifat merentasi sempadan pentadbiran.

 <p>Stesen Jana Kuasa Elektirk</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen Jana Kuasa Elektirk Kapar Energy Venture (KEV) di Daerah Klang • Stesen Jana Kuasa Elektirk Genting Sanyen di Daerah Kuala Langat 	 <p>Kadar Penembusan Jalur Lebar Per 100 Isi Rumah (Suku 3, 2016)</p> <ul style="list-style-type: none"> • WP Kuala Lumpur- 99.9 • Selangor- 99.7 • WP Putrajaya- 61.9
 <p>Pelabuhan Laut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelabuhan Klang di Daerah Klang 	 <p>Bilangan Stesen Rel (KTM, LRT & Monorel)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lebih daripada 90 Stesen
 <p>Lapangan Terbang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Daerah Petaling • KLIA di Daerah Sepang • KLIA 2 di Daerah Sepang 	 <p>Panjang Rel (KTM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 145 km
 <p>Pelabuhan Darat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelabuhan Darat Setia Jaya di Daerah Petaling 	 <p>Terminal Bersepadu</p> <ul style="list-style-type: none"> • KL Sentral di WP Kuala Lumpur • Puduraya Sentral di WP Kuala Lumpur • Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di WP Kuala Lumpur • Hentian Akhir Bandar (HAB) di WP Kuala Lumpur • Putrajaya Sentral di Putrajaya
 <p>Jenis kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 Tapak Pelupusan Sampah Bukan Sanitari <ul style="list-style-type: none"> a. Tapak Pelupusan Kuang di Daerah Gombak b. Tapak Pelupusan Dengkil di Daerah Sepang • 2 Stesen Pemindahan Sisa Pepejal <ul style="list-style-type: none"> a. Stesen Pemindahan Taman Beringin di WP Kuala Lumpur b. Stesen Pemindahan Shah Alam di Daerah Petaling • 1 Tapak Pelupusan Sanitari <ul style="list-style-type: none"> a. Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung Dua Belas di Daerah Kuala Langat • 1 Pusat Perolehan Semula Sumber Sisa Pepejal <ul style="list-style-type: none"> a. Pusat Perolehan Semula Sumber Sisa Pepejal, Semenyih di Daerah Hulu Langat 	 <p>Bekalan Air</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5 Empangan <ol style="list-style-type: none"> a. Empangan Batu di Daerah Gombak b. Empangan Klang Gates di Daerah Gombak c. Empangan Langat di Daerah Hulu Langat d. Empangan Semenyih di Daerah Hulu Langat e. Empangan Tasik Subang di Daerah Petaling • 5 Loji rawatan air utama <ol style="list-style-type: none"> a. Loji Lawatan Air Sungai Semenyih di Daerah Hulu Langat b. Loji Lawatan Air Sungai Langat di Daerah Hulu Langat c. Loji Lawatan Air Bukit Nenas di WP Kuala Lumpur d. Loji Lawatan Air Wangsa Maju di Wp Kuala Lumpur e. Loji Lawatan Air Sungai Labu di Daerah Sepang

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Fokus kehidupan bandar di WKN yang berdaya huni ini perlu dilihat dalam konteks kualiti hidup komuniti yang inklusif, mampu milik, mudah akses kepada transit dan kemudahan awam serta selamat, selesa dan mampan.

WKN mengambil pendekatan pembangunan yang seimbang di mana memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan dan kesihatan penduduk yang dimanifestasikan dalam penjagaan kesihatan yang berkualiti, perumahan mampu milik, pengukuhan integrasi sosial dan perpaduan, penyediaan persekitaran yang menggalakkan pejalan kaki serta kemudahan awam yang mudah akses bagi komuniti.

Rajah 2.3: Nisbah kawasan lapang dan rekreasi kepada penduduk WKN 2015

Sumber : Kajian Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



2.7 hektar / 1,000 orang

Nisbah kawasan lapang dan rekreasi kepada penduduk 2015



Taman Bukit Kiara, Kuala Lumpur

Aspek kesihatan dan kesejahteraan akan menjadi salah satu daripada empat (4) tema bandar utama dalam merealisasikan hasrat WKN. Penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan akan ditumpukan kepada menangani keperluan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan awam, menambah baik persekitaran dalam meningkatkan kesihatan serta perumahan mampu milik bagi warga bandar.

Rajah 2.4: Pembangunan Perumahan di WKN

Sumber : Kajian Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

Agensi utama bagi Pembangunan Rumah Mampu Milik di WKN

selangorku

RUMAWIP

RUMAH MAMPU MILIK WILAYAH PERSEKUTUAN

Keluasan Perumahan di WKN

Guna Tanah	Keluasan (Hektar)
Kawasan Perumahan Semasa, 2015	47,802.70
Zon Guna Tanah Perumahan Masa Hadapan	104,026.41



Cadangan pembangunan Rumah Selangorku di Setia Alam

2.5 Agenda Global: Sustainable Development Goals (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA)

Matlamat SDGs dan NUA perlu dijadikan visi bersama bagi semua pihak berkepentingan termasuklah pihak berkuasa tempatan dan agensi yang terlibat dalam pembangunan, perancangan dan pengurusan bandar di sekitar WKN. Tindakan ini adalah penting bagi mencapai pembangunan bandar mampan serta meningkatkan kesamarataan, kebajikan dan kemakmuran bersama di WKN.

Sustainable Development Goals (SDGs) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) merupakan agenda pembangunan jangka panjang sehingga tahun 2030. Matlamat SDGs adalah memelihara keperluan asas global, hak asasi manusia dan mengukuhkan keamanan sejagat. Semua negara dan pihak berkepentingan termasuk Malaysia dan PLANMalaysia akan mengambil inisiatif untuk mewujudkan rangka pembangunan negara yang menyokong pencapaian SDGs.

Rajah 2.5: 17 Matlamat SDG
Sumber : SDG





Agenda Perbandaran Baharu (NUA-New Urban Agenda) telah diperkenalkan dalam persidangan *Habitat III* di Quito, Ecuador, Oktober 2016. NUA adalah bertujuan untuk memperkukuh dan mengintegrasikan hubungan antara urbanisasi dan pembangunan adalah selari dalam usaha mencapai pembangunan bandar mampan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, NUA akan menekankan untuk mencapai tahap bandar dan penempatan manusia yang memberi kebebasan asasi, hak dan peluang sama rata bagi semua pihak melalui kerjasama dengan orang awam dan pihak berkepentingan dalam pengurusan bandar.

Rajah 2.6: Agenda Perbandaran Baharu (NUA)

Dasar di peringkat nasional	<ul style="list-style-type: none"> • Unjuran penduduk jangka masa panjang • Kawasan kesesuaian tanah bagi kawasan perbandaran • Mengenalpasti tanggungjawab PBT dan agensi kerajaan yang lain di semua peringkat • Mengurangkan jurang pembangunan kawasan bersempadanan • Menggalakkan kerjasama semua pihak
Peruntukan undang-undang dan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk perundangan asas kepada perancangan pembangunan bagi memastikan kawasan lapang tidak termasuk di dalam kategori kawasan pembangunan / tepu bina • Perundangan bagi melindungi pertukaran guna tanah kawasan lapang. • Memastikan hak pembangunan seimbang • Membentuk kaedah perundangan bagi perkongsian kenaikan kawasan pembangunan dan pasaran hartanah • Membentuk minimum standard kemudahan terhadap keperluan asas • Membentuk kaedah impak penilaian, pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan
Perancangan bandar dan reka bentuk bandar	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kawasan perbandaran dan kawasan pertanian serta kawasan aset semulajadi • Mengenal pasti perhubungan dan kualiti ruang bandar • Menggalakkan kepadatan mampan dan pembangunan bercampur • Reka bentuk bandar sebagai asas kepada bandar berdaya huni dan mesra pejalan kaki. • Menggalakkan kediaman yang berintegrasi dengan aspek perancangan • Menggalakkan penyediaan ruang bandar yang pelbagai bagi meningkatkan aktiviti ekonomi
Ekonomi dan kewangan bandar	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu PBT dalam membentuk dan melaksanakan sistem kewangan yang mampan, inklusif dan adil bagi tujuan operasi • Membantu PBT membentuk dan melaksanakan sistem bagi memastikan perhubungan fizikal, sosial dan ekonomi terhadap keperluan asas • Membantu PBT memahami dan menyesuaikan dasar pembangunan ekonomi, mekanisma dan model kewangan
Perlaksanaan di peringkat tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi pembaharuan semula sesuatu kawasan • Merancang pembangunan secara infill, kawasan tepu bina dan kawalan harga kenaikan hartanah • Menubuhkan dan menyokong kumpulan komuniti sebagai orang tengah antara penduduk dan kerajaan tempatan • Menfokuskan perancangan di kawasan kurang membangun di peringkat tempatan

2.6 Strategi Wilayah Konurbasi Nasional


Strategi WKN perlu direncanakan dengan mengambil kira tema kemampanan, pembangunan seimbang dan berdaya tahan. Tema-tema berikut merupakan tema pembangunan dan arah tujuan kerjasama yang bakal dicapai oleh WKN.

Dalam membentuk asas perancangan dan strategi di WKN, beberapa dokumen serta tren global diambil kira bagi menyelaraskan misi pembangunan WKN. Ini membuatkan WKN bukan sahaja boleh bersaing di rantau Asia malah di peringkat global. Komitmen di peringkat negara dan juga global perlu ditetapkan dalam menentukan arah tuju WKN yang lebih holistik.

Antara komitmen negara yang dilihat adalah melalui perancangan spatial negara seperti Rancangan Fizikal Negara Ke-3, Dasar Perbandaran Negara Ke-2 dan Program Transformasi Ekonomi. Komitmen peringkat global pula termasuklah 'Sustainable Development Goals' (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) yang merupakan agenda pembangunan jangka panjang yang mempunyai 17 sasaran dalam memelihara keperluan asas global, hak asasi manusia dan mengukuhkan keamanan sejagat. Kesemua komitmen ini perlulah diintegrasikan bagi memastikan hala tuju WKN yang strategik dan relevan.

Rajah 2.7: Strategi WKN

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Carta Aliran Tugas Utama Kajian

Kesemua empat (4) tema utama WKN perlu diintegrasikan bersama bagi memastikan WKN menjadi sebuah wilayah yang mampan, hijau, berdaya maju dan mewujudkan persekitaran yang berkualiti.

Kajian ini akan menekankan peranan urus tadbir wilayah dalam WKN sebagai faktor penentu untuk mencapai visi tersebut melalui pembangunan ekonomi, integrasi pengangkutan, infrastruktur mampan dan pengendalian aset.

1. RANGKA PERTUMBUHAN WILAYAH KONURBASI NASIONAL

- WKN dalam konteks nasional dan global
- Perancangan dan dasar pembangunan WKN dalam konteks nasional
- Empat (4) tema utama :
 - Pembangunan Mampan Dan Berdaya Saing
 - Memupuk Biodiversiti Dalam Landskap Bandar Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar
 - Pembangunan Infrastruktur Inklusif Dan Daya Tahan

2. MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN MAMPAN DAN BERDAYA SAING (BAB 3)

Hubungkait di antara pembangunan ekonomi dan spatial

- a. Struktur dan prestasi pembangunan ekonomi WKN
 - Prestasi dan struktur ekonomi WKN
 - Pemangkin utama ekonomi WKN :
 - Kluster Perkhidmatan Komersial
 - Kluster Pelancongan
 - Kluster Logistik dan Pengangkutan
 - Kluster ICT
 - Kluster Pendidikan
 - Kluster Industri Pembuatan
- b. Strategi Pembangunan Spatial
 - Arah pembangunan spatial dalam WKN
 - Sistem perbandaran 'polycentric' dalam WKN
 - Integrasi dan fungsi jaringan bandar ('urban network') dalam sistem 'polycentric'
 - Mengukuhkan sistem 'polycentric' untuk mencapai objektif utama pembangunan WKN - Efsien, Inklusif, dan Mampan.

3. MEMUPUK BIODIVERSITI DALAM LANDSKAP BANDAR (BAB 4)

- Keadaan Masa kini
- Strategi pengurusan dan pembangunan

4. MENINGKATKAN KUALITI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR (BAB 5)

- Faktor polisi institusi yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup-hospital, perumahan, institusi, pelajaran, fasiliti rekreasi, kemudahsampaian kepada kawasan lapang dan kawasan hijau serta lain-lain strategi kemudahan
- Penyediaan institusi tersebut dalam konteks sistem bandar dalam jaringan 'polycentric'

5. MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR INKLUSIF DAN BERDAYA SAING (BAB 6)

- Meningkatkan akses kepada perkhidmatan infrastruktur
- Mempromosikan pembangunan infrastruktur untuk integrasi global dan serantau
- menggalakkan infrastruktur mampan dan daya tahan

6. URUS TADBIR WILAYAH (BAB 7)